

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : LOKAL

4 MATI AKIBAT KOMPLIKASI

Kes demam denggi turun 9.5 peratus

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 am@hmetro.com.my

Putrajaya

Walaupun bilangan kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2022 (ME43/22) menunjukkan penurunan sebanyak 9.5 peratus atau 154 kes namun sebanyak empat kematian akibat komplikasi demam denggi direkodkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 1,460 kes sepanjang ME43/22 berbanding 1,614 kes pada minggu sebelumnya.

"Walaupun bilangan kes pada ME43/22 menunjukkan penurunan, secara kumulatif setakat minggu lalu sebanyak 49,569 kes demam denggi dilaporkan berbanding 21,707 kes bagi tempoh sama tahun lalu," katanya.

Katanya, ia membabitkan peningkatan sebanyak 27,862 kes atau 128.4 peratus.

"Sebanyak 33 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh sama



Nyamuk Aedes betina mampu bertelur antara lima hingga enam kali serta menghasilkan antara 60 hingga 120 biji telur nyamuk setiap kali bertelur"

Dr Noor Hisham

pada 2021, iaitu peningkatan sebanyak 17 kematian atau 106.3 peratus," katanya semalam.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, KKM merekodkan peningkatan lima lokaliti titik panas daripada 51 lokasi pada ME42/22.

Beliau berkata, daripada 56 lokaliti itu, sebanyak 35 lokaliti titik panas (62 peratus); 15 atau 27 peratus di Sabah; empat (7 peratus) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya manakala masing-masing satu (2 peratus) lokaliti titik panas dikesan di Negeri Sembilan serta Melaka.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, surveilan

Chikungunya merekodkan satu kes pada ME43/22 di Selangor.

"Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 670 kes. Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,655 sampel darah dan 16 sampel urin sudah dijalankan saringan Zika dan hasil semuanya adalah negatif," katanya.

Justeru, Dr Noor Hisham mengingatkan orang ramai untuk terus memusnahkan kawasan berpotensi berlaku pembiakan nyamuk Aedes untuk memastikan rantaian jangkitan demam denggi dapat diputuskan.

Beliau berkata, ia berikutan nyamuk Aedes adalah

vektor yang efisien bagi penyebaran jangkitan demam denggi kerana ia mempunyai jangka hayat selama 30 hari.

Katanya, dalam tempoh itu, nyamuk Aedes betina mampu bertelur antara lima hingga enam kali serta menghasilkan antara 60 hingga 120 biji telur nyamuk setiap kali bertelur.

"Telur nyamuk Aedes yang mengandungi virus denggi dapat diwariskan kepada generasi nyamuk seterusnya melalui telur yang dihasilkan, dikenali sebagai *transovarian transmission*."

"Oleh itu, memusnahkan tempat potensi pembiakan nyamuk Aedes melalui aktiviti Cari dan Musnah adalah langkah terbaik untuk memastikan rantaian jangkitan demam denggi dapat diputuskan.

"Setiap lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk memastikan kawasan persekitaran kediaman termasuk lorong belakang rumah serta kawasan tanah berhampiran bebas daripada bekas-bekas berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

33 kematian akibat komplikasi denggi, meningkat 106 peratus

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 33 kematian akibat komplikasi denggi setakat ini, berbanding hanya 16 kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

Ini adalah peningkatan sebanyak 17 kematian atau 106 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kumulatif kes demam denggi dilaporkan sehingga

kini 'pula sebanyak 49,569 kes berbanding 21,707 kes bagi tempoh sama tahun 2021, iaitu peningkatan 27,862 kes.

"Pada Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2022, jumlah kes demam denggi dilaporkan sebanyak 1,460 berbanding 1,614 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 154 kes.

"Selain itu, sebanyak empat kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada

Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2022," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, lokaliti hotspot pada Minggu Epidemiologi 43 pula ialah sejumlah 56 lokaliti berbanding 51 lokaliti pada minggu sebelumnya, menyaksikan peningkatan sebanyak lima lokaliti.

"Daripada 56 lokaliti tersebut, 35 lokaliti hotspot berada di Selangor, Sabah (15), Kuala Lumpur

(empat), Putrajaya (empat) dan masing-masing satu lokaliti di Negeri Sembilan serta Melaka.

"Survelan Chikungunya turut merekodkan sebanyak satu kes pada minggu ke-43 dengan kes itu direkodkan dari Selangor," ujarnya.

Katanya, jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini ialah 670 kes, manakala bagi survelan Zika, sebanyak 1,655 sampel darah dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan dan hasilnya negatif.

"Nyamuk aedes adalah vektor yang efisien bagi penyebaran jangkitan demam denggi dan ia mempunyai jangka hayat selama 30 hari serta mampu menghasilkan antara 60 ke 120 biji setiap kali bertelur.

"Oleh itu, memusnahkan tempat potensi pembiakan nyamuk aedes adalah langkah terbaik untuk memastikan rantaian jangkitan demam denggi diputuskan," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NATION

Dengue cases down by 9.5%

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases in the 43rd Epidemiological Week (EW) of 2022 (EW 43/22) dropped by 154 cases, or 9.5%, to 1,460 cases compared to 1,614 cases in the previous week.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said four deaths due to dengue fever complications were also reported on EW 43/22.

"The cumulative number of dengue fever cases reported so far is 49,569 cases compared to 21,707 cases for the same period last year, an increase of 27,862 cases or 128.4%," he said in a statement, reported Bernama.

Dr Noor Hisham said 33 deaths due to dengue complications were reported compared to 16 last year, an increase of 13 deaths or 81.3%.

He said the number of localities where the disease was detected last week also went up to 56, compared to 51 the previous week.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Dengue cases down by 9.5%

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases in the 43rd Epidemiological Week (EW) of 2022 (EW43/22) decreased by 154 cases or 9.5% to 1,460 cases compared with 1,614 cases the previous week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday said four deaths due to dengue fever complications were also reported on EW43/22.

"The cumulative number of dengue fever cases reported so far is 49,569 cases compared with 21,707 cases for the same period in 2021, an increase of 27,862 cases (128.4%)," he said.

Noor Hisham said 33 deaths due to dengue complications were reported compared with 16 last year, an increase of 13 deaths or 81.3%.

He said the number of localities where the disease was detected last week also went up to 56 compared with 51 the previous week.

Noor Hisham said 35 of the localities were in Selangor, Sabah (15), Kuala Lumpur and Putrajaya (four) and one each in Negri Sembilan and Malacca. - Bernama